



JADUAL UJIAN DIOGNASTIK TINGKATAN 2 2020

TARIKH/HARI	WAKTU	MATA PELAJARAN	MASA
29-09-2020 SELASA	0740 – 0840	Bahasa Melayu	1 jam
	0850 – 0950	PJK	1 jam
	1000–1030	<i>Rehat</i>	
	1040 –1140	Bahasa Inggeris	1 jam
	1150 – 1250	ASK/RBT PdPC <i>Pembersihan Kelas</i>	1 jam
30-09-2020 RABU	0740 – 0840	Matematik	1 jam
	0850 – 0950	Geografi	1 jam
	1000–1030	<i>Rehat</i>	
	1040 –1140	Sains	1 jam
	1150 – 1250	Bahasa Tamil / Bahasa Cina PdPC <i>Pembersihan Kelas</i>	1 jam
01-10-2020 KHAMIS	0740 – 0840	Sejarah	1 jam
	0850 – 0950	Pendidikan Seni Visual	1 jam
	1000–1030	<i>Rehat</i>	
	1040 –1140	Pend. Islam / Pend. Moral	1 jam
	1150 – 1250	Literasi Komputer (bagi kelas O dan D sahaja) PdPC <i>Pembersihan Kelas</i>	1 jam

NOTA:

HARI ISNIN DAN JUMAAT PDPC SEPERTI BIASA. UJIAN DIAGNOSTIK AKAN BERAKHIR PADA JAM 12.50 TENGAHARI PADA HARI SELASA, RABU & KHAMIS . MANAKALA SEBELUM DAN SELEPAS UJIAN, PDPC AKAN BERLANGSUNG SEPERTI BIASA. HARAP MAKLUM.

PERHATIAN:

1. Peperiksaan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil akan diadakan di kelas **masing-masing**. Pelajar yang **tidak** terlibat **mesti** membuat ulang kaji secara **SENYAP dan TIDAK DIBENARKAN DUDUK BERKUMPUL-KUMPUL** semasa peperiksaan dijalankan untuk menghormati pelajar yang sedang menduduki peperiksaan.
2. Peperiksaan PSV (Amali) : Guru perlu memastikan 2 buah baldi disediakan sebelum memulakan peperiksaan. Satu baldi diisi dengan air bersih dan satu baldi dikosongkan untuk pelajar menuang air kotor.

TINDAKAN PELAJAR :

1. Hadir untuk menduduki peperiksaan atau mengulang kaji di dalam kelas masing-masing.
2. Setiausaha kelas menyediakan pelan kedudukan pelajar mengikut angka giliran/abjad dan ditampalkan pada papan notis kelas.
3. Memastikan peralatan lukisan, kain lap dan surat khabar dibawa untuk mengalas meja semasa peperiksaan PSV (Amali). Jika meja atau lantai kotor, pelajar dikehendaki membersihkan lantai atau meja tersebut dengan segera. Peralatan lukisan yang telah digunakan perlu dibungkus dan dibawa balik ke rumah untuk dibersihkan. Pelajar membawa kain buruk untuk mengelap meja atau lantai yang basah.
4. Sekiranya tidak hadir menduduki peperiksaan, pelajar dikehendaki membawa sijil sakit ke sekolah atau ibu bapa pelajar dikehendaki membawa surat ketidakhadiran ke sekolah. Markah akan direkodkan sebagai tidak hadir (TH). Kegagalan membawa sijil/surat ketidakhadiran akan mengakibatkan pelajar mendapat markah 0.

PELAJAR DILARANG :

1. **Keluar** dari bilik/dewan peperiksaan sebelum tamat peperiksaan.
2. Membawa sebarang **alatan telekomunikasi, bahan bacaan dan beg** ke dalam bilik/dewan peperiksaan.
3. Memakai atau membawa **jam tangan smart watch** ke dalam bilik/dewan peperiksaan.
4. **Tidur** semasa peperiksaan/ulang kaji berlangsung.
5. Membawa masuk **penutup kalkulator/sarung botol minuman/liquid paper/correction tape** ke dalam bilik/dewan peperiksaan.
6. **Meniru**, cuba meniru, membantu untuk meniru atau cuba berkomunikasi semasa peperiksaan. Hal ini akan mengakibatkan pelajar mendapat markah 0 dan kes akan direkod dalam SSDM. Pelajar yang dibuktikan kesalahannya dalam kes meniru, akan digantung persekolahan selama 3 hari persekolahan. Sebarang rayuan tidak akan dilayan. Jika kesalahan meniru kali kedua, pelajar akan digantung persekolahan selama 7 hari persekolahan. Jika kesalahan meniru kali ketiga, pelajar akan **DIBUANG PERSEKOLAHAN** dan rayuan bersekolah semula haruslah melalui Pejabat Pendidikan Wilayah Persekutuan.

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Disahkan oleh:

.....
[NOOR RASIMAH BT.ZAKARIA]
Penyelaras Tingkatan Dua

.....
[PHUA SIEW CHENG]
Penolong Kanan
Pentadbiran

.....
[RAVI CHANDRAN A/L KRISHNAN]
Pengetua